

101

**SOALAN NO: 42**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
KAWASAN : LANANG  
TARIKH : 07 MAC 2018, RABU**

**SOALAN:**

**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan

(a) jumlah kemalangan yang berlaku di Jalan Pan Borneo sejak 2008 dan bilangan nyawa yang terkorban; dan

(b) berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk menanggung pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan di Sarawak sejak ia dimulakan serta anggaran kos dan masa ia dijangka siap.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak baru bermula pada Mac 2015. Kementerian Kerja Raya belum mempunyai data rasmi secara spesifik berhubung statistik kemalangan yang berlaku di sepanjang jajaran Lebuhraya Pan Borneo. Data yang ada setakat ini merangkumi keseluruhan jenis jalan dan tidak terhad kepada jajaran Lebuhraya Pan Borneo. Kementerian Kerja Raya akan terus bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya dalam usaha mengumpulkan statistik kemalangan khusus bagi jajaran Lebuhraya Pan Borneo.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, sebanyak RM 12.864 bilion telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembinaan. Manakala bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, sebanyak RM 16.488 bilion telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembinaan. Kerja-kerja pembinaan bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.